

# Malaysia terima tugas Pengerusi ASEAN 2025

Upacara simbolik  
dibuat Perdana  
Menteri Laos  
kepada Anwar

Daripada Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Vientiane:** Malaysia semalam menerima tanggungjawab sebagai Pengerusi ASEAN bagi 2025 dari Laos.

Upacara simbolik serahan tugas dibuat Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan di Pusat Konvensyen Kebangsaan (NCC) di sini.

Pada majlis sama, Malaysia, buat kali pertama turut memperkenalkan logo ASEAN Malaysia 2025 dengan tema 'Keterangkuman dan Kemampuhan'.

Logo berkenaan memaparkan lambang ASEAN dalam kitaran berbentuk bunga raya, dengan warna yang mewakili warna utama bendera semua negara anggota ASEAN.

Ini kali kelima Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN sepan-



jang sejarah keanggotaan dalam blok serantau itu, iaitu pada tahun 1977, 1997, 2005, dan 2015.

Sementara itu, bercakap pada sidang media bersama wartawan Malaysia pada hari akhir sidang, Perdana Menteri berkata, ASEAN dan China sepakat untuk mengelak sebarang tindakan keganasan di Laut China Selatan dan menyelesaikan pertikaian melalui jalur diplomatik.

Perdana Menteri berkata, Perdana Menteri China, Li Qiang turut memberi jaminan bahawa pertikaian antara negaranya dan Filipina di perairan itu akan diurus secara damai mengikut semangat Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS).



Anwar bersama Mohamad (kiri) serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz pada sidang media di Vientiane, Laos, semalam. (Foto BERNAMA)

“Kita usulkan, yang dipersejajui semua, termasuk China adalah elak keganasan, gunakan jalur diplomatik, ada rundingan dan saya cadangkan kalau boleh guna jalur ASEAN bersama.

“Tentunya sedikit perkembangan membabitkan Filipina membimbangkan kita dan ia sudah disampaikan (kepada China) dan ada jaminan daripada Perdana Menteri Li Qiang,” katanya demikian mengulas hasil Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-27, semalam, berhubung pertikaian di Laut China Selatan.

Perdana Menteri berkata, isu Laut China Selatan banyak dibincangkan dan ASEAN menegaskan, ia harus terikat kepada undang-undang supaya kedaulatan negara masing-masing dapat dipertahankan.

“Jika ada pertikaian, ia mesti diselesaikan tertakluk kepada undang-undang, termasuk UNCLOS,” katanya.

Mengenai perkembangan dalam usaha menyelesaikan konflik di Myanmar, Perdana Menteri berkata, apabila negara itu bersetuju menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN pada kali ini, ia menjadi peluang baik untuk negara anggota menyampaikan pandangan tegas mengenainya.

“Mereka perlu lebih inklusif,

menghentikan keganasan dan berhubung dengan semua pihak secara baik supaya kita dapat mencari penyelesaian.

“Apabila Myanmar menyatakan kesediaan mereka untuk berbicara secara langsung dan aktif dengan Malaysia, saya minta Menteri Luar (Datuk Seri Mohamad Hasan) untuk menyelaraskan perkara ini.

“Walaupun kita terikat dengan prinsip Konsensus Lima Perkara (SPC) supaya ia dipatuhi, harus ada permulaan perbincangan secara tidak rasmi di peringkat tertinggi,” katanya.

Semalam, Mohamad memaklumkan, Malaysia akan berunding dengan Myanmar bagi menyelesaikan pergolakan berterusan di negara itu, selepas diperintah junta itu mula memberi isyarat membuka pintu rundingan.

Dalam pada itu, Anwar juga berkata, Malaysia menekankan kepentingan mempertahankan prinsip kebebasan ASEAN, yang berhak untuk meneruskan hubungan baik dua hala dengan semua negara.

Perkara itu ditegaskan Perdana Menteri dalam semua sidang kemuncak dan pertemuan dua hala yang dihidirinya sejak tiga

hari lalu.

“Kita meneruskan hubungan baik dua hala dan juga rakan baik, Amerika Syarikat (AS) atau Kesatuan Eropah (EU), namun kita juga tingkat hubungan dengan China atau meneruskan hubungan dengan Myanmar supaya kita dapat menjalin kerjasama bagi menyelesaikan masalah serta kemelut politik yang rumit di negara itu.

“Pada masa sama, (Malaysia juga mempunyai hubungan) dengan Russia, yang tidak disenangi beberapa negara Barat tetapi saya tekankan, sebagai negara bebas dan berdaulat, kita berhak menjalin hubungan dengan semua,” katanya.

“Alhamdulillah, kita juga memanfaatkan sidang kemuncak ini dengan mengadakan beberapa siri pertemuan dua hala bersama beberapa negara.

“Pada tahun depan, ketika kita mempengerusikan ASEAN, kita akan luncurkan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dan ini satu kesepakatan sangat baik,” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan cuba mempercepat keanggotaan Timor Leste dalam ASEAN, namun negara itu harus memenuhi beberapa syarat.